

NAMA : ..... TINGKATAN : .....

**MODUL PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5****TAHUN 2021****MODUL 2****PRINSIP PERAKAUNAN****KERTAS 2****DUA JAM TIGA PULUH MINIT****JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU****Arahan:**

1. Modul ini mengandungi **dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.**
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan di **Bahagian B**.
3. Tulis jawapan anda pada kertas lejar, jurnal dan helaian tambahan yang disediakan dalam kertas modul ini.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
6. **Tunjukkan kerja mengira.** Ini membantu anda mendapatkan markah.
7. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.
8. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Modul ini mengandungi 19 halaman bercetak

Bahagian A  
[60 markah]  
*Jawab semua soalan*

1. (a) Urus niaga berikut adalah berkaitan Perniagaan Tayar Borhan.

2021		RM
Mei 3	Pemilik mengambil 2 tayar terpakai jenama Continental untuk kegunaan sendiri.	400

Bagi merekod urus niaga di atas, nyatakan dua andaian perakaunan

[2 markah]

- (b) Berikut ialah Jadual Persamaan Perakaunan Perniagaan Mentari Makmur.

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
(i)	RM20 500	RM9 000	E
(ii)	RM32 800	L	RM12 000

Berapakah amaun E dan L?

[2 markah]

- (c) Nyatakan dua urus niaga yang direkodkan dalam Jurnal Am. [2 markah]


- (d) Berikut adalah perbelanjaan bagi Kelab Skuash Jaya. Kategorikan jenis perbelanjaan kelab berkenaan.

Bil	Urus niaga	Jenis Perbelanjaan
(i)	Beli pendingin hawa untuk keselesaan ahli kelab.	
(ii)	Belanja penyelenggaraan pendingin hawa.	

[2 markah]

(e) Berikut adalah graf Titik Pulang Modal.

Kos/Hasil (RM)



Apakah X dan Y?

[2 markah]

2. Maklumat berikut diambil daripada rekod perakaunan Kilang Perabot Alysha yang beroperasi di Kulim, Kedah pada 30 Jun 2021.

Inventori pada 1 Julai 2020:	RM	RM
Bahan langsung	96 600	
Barang siap	95 000	
Kerja dalam proses	17 000	
Alat-alat kecil	5 700	
Jualan barang siap		590 000
Belian bahan langsung	99 400	
Belian Alat-alat kecil	12 000	
Angkutan masuk bahan langsung	6 500	
Angkutan keluar	4 000	
Pulangan bahan langsung		13 500
Duti bahan langsung	5 200	
Upah buruh langsung	58 000	
Gaji tak langsung kilang	39 200	
Gaji jurujual	26 200	
Lengkapan (Kos)	65 000	
Susut nilai terkumpul lengkapan		19 500
Mesin kilang (Kos)	200 000	
Susut nilai terkumpul mesin kilang		55 500
Insurans	24 000	
Belanja am kilang	17 700	
Kadar bayaran	25 000	
Minyak pelincir kilang	12 000	
Promosi	20 800	
Simpanan Tetap	30 000	
Faedah atas simpanan		3 000
Premis kilang	500 000	
Bank	205 000	
Akaun Belum Terima	60 000	
Akaun Belum Bayar		35 000
Modal		907 800
	1 624 300	1 624 300

**Maklumat Tambahan:**

i. Inventori pada 30 Jun 2021:	RM
Bahan Langsung	50 500
Barang Siap	71 000
Kerja Dalam Proses	11 700
Alat-alat kecil	4 500

ii. Aset-aset bukan semasa akan disusutnilaikan seperti berikut:

Mesin kilang	15% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
Lengkapan	10% setahun mengikut kaedah garis lurus

Susut nilai lengkapan dibahagikan antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 3:1

iii. Belanja belum bayar:	RM
Promosi	700
Angkutan masuk	500
Upah buruh langsung	11 000

iv. Belanja-belanja akan diagihkan seperti berikut:

	Kilang	Pejabat
Insurans	75%	25%
Kadar bayaran	80%	20%

v. Gaji jurujual sebanyak RM1 200 telah tersalah rekod ke dalam akaun gaji tak langsung.

vi. 5% daripada minyak pelincir kilang masih belum digunakan.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- |   |             |
|---|-------------|
| (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2021                 | [15 markah] |
| (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021 | [10 markah] |

3. Siti dan Syida merupakan pemilik SS Enterprise yang menjalani perniagaan di Bandar Kulim, Kedah.

Ikatan perjanjian perkongsian mereka telah menetapkan perkara berikut:

- (i) Untung dan rugi dibahagikan antara Siti dan Syida mengikut nisbah modal.
- (ii) Faedah atas modal 5% setahun.
- (iii) Faedah atas ambilan 4% setahun.
- (iv) Gaji Siti RM1 200 sebulan.

**SS Enterprise**

**Imbangan Duga pada 30 Jun 2021**

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal pada 1 Julai 2020:		
Siti		60 000
Syidah		40 000
Akaun Semasa pada 1 Julai 2020:		
Siti	600	
Syidah		8 400
Ambilan:		
Siti	2 500	
Syidah	1 000	
Gaji Siti	4 000	
Untung bersih pada 30 Jun 2021		45 960
Tunai	1 200	
Bank	8 800	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	23 500	16 660
Kenderaan	65 000	
Premis	70 000	
Peruntukan hutang rugu		480
Pinjaman Siti		8 000
Inventori	17 900	
Susut nilai terkumpul kenderaan		15 000
	194 500	194 500

**Pelarasan berikut belum diambil kira:**

- (i) Insurans prabayar berjumlah RM2 800.
- (ii) Peruntukan hutang rugu diselaraskan kepada RM750.
- (iii) Faedah atas pinjaman RM640 belum dijelaskan.
- (iv) Siti telah membuat ambilan RM2 500 pada 31 Disember 2020.

**Anda dikehendaki:**

- (a) Menghitung untung bersih selepas mengambil kira pelarasan. [4 markah]
- (b) Menyediakan Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021 [6 markah]
- (c) Menyediakan Akaun Semasa pekongsi (bentuk ruangan) [8 markah]
- (d) Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2021 [7 markah]

**Bahagian B**  
**[40 markah]**  
*Jawab 2 soalan sahaja*

- Jawab 2 soalan sahaja
- 4 a) Pada 1 Julai 2020, Cik Nurkasih pemilik perniagaan Kasih Butik Pengantin dan Hiasan memulakan perniagaan dengan aset-aset yang berikut.

	RM
Lengkapan Kedai	8 800
Tunai di tangan	1 250
Tunai di bank	5 100

Beliau menyimpan rekod perakaunan dengan tidak mengikut sistem catatan bergu.

**Maklumat Tambahan:**

- (i) Baki pada 30 Jun 2021:

	RM		RM
Tunai di tangan	780	Akaun Belum Bayar	2 145
Tunai di bank	8 200	Lengkapan Kedai	8 800
Inventori	3 900	Komisen belum terperoleh	350
Akaun Belum Terima	4 400	Pinjaman	5 000

- (ii) Pada 1 Oktober 2020, pemilik membawa masuk 2 unit penghawa dingin dari kediamannya bernilai RM3 200 untuk kegunaan perniagaan. Perkara ini belum direkodkan dalam buku perniagaan.
- (iii) Peruntukan hutang rugu diwujudkan sebanyak 3% atas Akaun Belum Terima.
- (iv) Lengkapan kedai disusutnilaikan 15% setahun menggunakan kaedah ansuran tetap.
- (v) Pinjaman bank telah diterima pada 31 Julai 2020 dan bayaran balik pinjaman bermula Ogos 2020 sehingga Julai 2023. Faedah atas pinjaman RM275 belum dijelaskan.
- (vi) Pemilik mengambil tunai perniagaan sebanyak RM200 dan menghadiahkan satu set hantaran bernilai RM350 sempena perkahwinan adiknya.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- i) Penyata mengira modal pada 30 Jun 2021. [8 markah]
- ii) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021. [4 markah]

- b) Maklumat yang berikut diambil daripada buku Perniagaan Kharas pada 30 April 2021.

	RM
Baki Lejar Belian pada 1 Mei 2020	15 200
Belian kredit	22 060
Belian tunai	5 200
Pulangan keluar	235
Faedah dikenakan oleh pembekal	180
Bayaran cek kepada pembekal	19 120
Diskaun diterima	140
Pindahan daripada lejar jualan ke dalam lejar belian	390

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Kawalan Belum Bayar.

[8 markah]

5. Maklumat berikut diambil daripada buku Ara Trading pada 30 Jun 2020.

Ara Trading  
Imbangan Duga pada 30 Jun 2020

	<u>Debit (RM)</u>	<u>Kredit (RM)</u>
Modal		56 775
Belian dan Jualan	18 950	32 600
Pulangan masuk	865	
Pulangan keluar		665
Akaun Belum Terima	3 240	
Akaun Belum Bayar		2 540
Belanja am	700	
Sewa diterima	500	
Inventori pada 1 Julai 2019	4 600	
Komisen diterima		1 790
Tunai	880	
Ambilan		1 500
Faedah atas simpanan	125	
Bank	12 300	
Premis	46 500	
Alatan Pejabat	5 460	
Inventori pada 30 Jun 2020	9 245	
	<hr/> 103 365	<hr/> 95 870

Setelah Imbangan Duga disediakan, beberapa kesilapan lain turut dikesan iaitu:

- i) Sekeping nota kredit bernilai RM550 yang dihantar kepada pelanggan, telah didebitkan ke dalam Akaun Belum Terima dan dikreditkan dalam Akaun Pulangan Jualan.
- ii) Belanja penyelenggaraan premis RM1 500 telah direkodkan dalam Akaun Premis.
- iii) Beli komputer secara kredit RM2 640 telah direkod sebagai RM2 460 dalam Akaun Alatan Pejabat manakala komisen yang diterima secara tunai RM970 telah direkod sebagai RM790 dalam Akaun Komisen Diterima.

- iv) Dokumen di bawah telah dijumpai dan belum direkodkan dalam mana-mana buku.

Ara Trading No 10, Jalan Pasar Alor Setar, Kedah	28 Mac 2020
<b><u>MEMO</u></b>	
Pemilik mengambil barang niaga bernilai RM250 untuk didermakan kepada Rumah Anak Yatim ASAS.	
Tiara	

**Anda dikehendaki:**

- a) Menyediakan Jurnal Am untuk membetulkan kesilapan i hingga iv.  
(keterangan tidak diperlukan) [8 markah]
- b) Menyediakan Imbangan Duga pada 30 Jun 2020 setelah semua kesilapan dibetulkan.  
[12 markah]

6. Berikut adalah baki-baki lejar yang diperoleh daripada buku Perniagaan Semarak pada 31 Mac 2021.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Belian dan Jualan	52 340	88 052
Pulangan	550	
Ambilan	2 840	
Pinjaman bank		12 000
Faedah pinjaman	512	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	9 200	7 654
Peruntukan Hutang Ragu		334
Bank	10 432	
Tunai	965	
Diskaun	412	775
Gaji	12 540	
Kenderaan (kos)	25 000	
Perabot (kos)	18 000	
Susut Nilai Terkumpul Perabot		6 880
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan		5 000
Modal pada 1 April 2020		50 000
Inventori pada 1 April 2020	28 143	
Kadar bayaran	1 920	
Sewa kedai	7 220	
Duti atas belian	238	
Angkutan masuk	383	
	<u>170 695</u>	<u>170 695</u>

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 31 Mac 2021 ialah RM35 320 pada harga kos dan RM36 800 pada nilai pasaran.
- (ii) Invois daripada pembekal bernilai RM850 belum dicatat dalam mana-mana buku.
- (iii) Bayaran sewa rumah pemilik bernilai RM570 telah direkod dalam akaun sewa perniagaan.
- (v) Polisi susut nilai:
  - Perabot: 30% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
  - Kenderaan: 20% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- (vi) Bil elektrik yang diterima pada 25 Mac 2021 berjumlah RM325 belum dijelaskan.
- (vii) Faedah atas pinjaman RM88 belum dijelaskan.
- (viii) Peruntukan hutang rugu hendaklah diselaraskan kepada 2% atas Akaun Belum Terima.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2021. [14 markah]
- (b) Akaun Susut Nilai Terkumpul Kenderaan [3 markah]
- (c) Akaun Modal [3 markah]

**TAMAT**